

Penduduk enggan pindah

» Pilih terus menetap walaupun risiko tanah runtuh

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

■ Putrajaya

Proses memindahkan penduduk di kawasan yang berisiko ditimbulus tanah runtuh di Cameron Highlands, berdepan masalah apabila ada dalam kalangan mereka memilih untuk terus menetap di lokasi berkenaan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel, berkata beliau sudah berbincang dengan pegawai daerah dan wakil Pejabat Tanah Cameron Highlands untuk mencari tapak baru bagi penduduk di Jalan Abu Bakar, pekan Brinchang, iaitu lokasi insiden tanah runtuh Ahad lalu.

"Namun kita berdepan masalah apabila ada di antara penduduk enggan berpindah, memilih terus menetap di kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Forensik Persekitaran (iENFORCE), di sini semalam.

Hadir sama Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli dan Menteri Alam Sekitar dan Air Trinidad & Tobago, Ganga Singh. Persidangan dua hari anjuran Pusat Forensik Alam Sekitar UPM itu



Pandangan udara sekatan penempatan dan ladang di Cameron Highlands.

disertai lebih 160 wakil termasuk dari Amerika Syarikat, Australia, Eropah, India, Nigeria, China dan Korea Selatan.

Risiko kemusnahan lebih besar

Dalam kejadian kira-kira jam 6.35 petang Ahad lalu, dua cedera dan lebih 10 kenderaan, sebuah bengkel dan dua rumah di kawasan itu rosak teruk selepas ditimbulus tanah runtuh akibat hujan lebat.

Palanivel yang juga Ahli Parlimen Cameron Highlands berkata, pemindahan penduduk perlu kerana penempatan sedia ada terlalu hampir dengan sungai yang

boleh mendedahkan masyarakat di situ kepada risiko kemusnahan lebih besar.

"Kerajaan juga akan menempatkan semula beberapa kawasan pertanian di Cameron Highlands bagi mengawal tanah runtuh pada masa depan. Petani membuka kawasan pertanian sehingga atas bukit, malah ada yang diteroka secara haram, mengakibatkan risiko hakisan dan tanah runtuh yang boleh mendatangkan risiko kemusnahan lebih besar," kata-

membina semula Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Lembah Bertam yang rosak teruk akibat bencana alam sebelum ini.

Mengenai iEnforce, Palanivel berharap forum itu dapat menilai keupayaan negara dalam bidang forensik alam sekitar selain dijadikan platform bertukar maklumat.

"Forensik alam sekitar boleh membantu pihak berkuasa mengenal pasti risiko susulan satu-satu pencemaran, mengenal pasti punca pencemaran dan mengambil langkah membendungnya selain tindakan undang-undang. Kerja dilakukan pakar forensik alam sekitar juga boleh diguna untuk membawa pesalah ke mahkamah, timbang tara dan sebagainya," katanya.



Beliau juga mengumumkan sumbangan RM100,000 disalurkan yayasan miliknya bagi